

# Sukarelawan UMP berbakti di Zoo Negara

Kosmo (komuniti) 27 APR 2016 m/s 50

**KERJASAMA.** Seramai 38 orang pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Kelab Penyayang UMP menyertai Program Pencinta Penyayang di Zoo Negara, Jalan Ulu Kelang, Ampang, Selangor baru-baru ini.

Menurut Ketua Program, Shahanaz Natasha Jamihil@Jamil, program yang dijalankan buat kali kedua itu bertujuan untuk memupuk nilai kasih sayang

terhadap haiwan serta peka dengan isu alam sekitar.

"Sukarelawan berpeluang membersihkan kandang, memberi makan serta berinteraksi dengan haiwan yang ditempatkan di zoo," katanya.

**AHLI** Kelab Penyayang UMP bergambar selepas Program Pencinta Penyayang di Zoo Negara, Jalan Ulu Kelang, Ampang baru-baru ini.

